



ROYAL GALA DINNER AAGBS

9 Februari 2018 bertempat di Hotel Majestic, Kuala Lumpur telah berlangsungnya Majlis Royal Gala Dinner Arshad Ayub Graduate Business School (AAGBS). Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Selangor serta Tengku Permaisuri Norashikin Tengku Permaisuri Selangor telah mencemar duli berangkat ke majlis makan malam tersebut.

Majlis tersebut turut dihadiri oleh peneraju pembangunan AAGBS iaitu YBhg. Tan Sri Arshad Ayub yang juga merupakan Pro-Canselor UiTM, Pengurus Lembaga Pengarah Universiti, YBhg. Tan Sri Dato' Academician Ir Dr Ahmad Zaidee Ladin dan Naib Canselor YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr Hassan Said. Pada malam tersebut Tuanku Sultan Selangor telah melancarkan logo baharu AAGBS sebagai langkah baharu untuk penjenamaan AAGBS.

Pengerusi Top Glove, Tan Sri Dr Lim Wee Chai telah menyerahkan replika cek bernilai RM100,000 kepada UiTM. Beberapa syarikat seperti Khazanah Nasional, KPJ Healthcare QSR Brands, Ladang MOCCIS, UMW Toyota, Maybank dan lain-lain turut menyumbang ke tabung dana AAGBS. Makan malam tersebut juga telah dimeriahkan dengan persembahan artis seperti Nora, Sean Ghazi dan ramai lagi.





UiTM Menjadi Kampus Tanpa Tunai Terbesar di Malaysia

22 Januari 2018, Sungai Buloh: YB Dato' Seri Idris Bin Jusoh, Menteri Pendidikan Tinggi telah merasmikan Program Pelancaran Cashless Campus @ UiTM di sini. Program kerjasama strategik antara Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan syarikat pembangun aplikasi dompet elektronik Boost tersebut akan diguna pakai di semua kampus negeri UiTM seluruh negara, seterusnya menjadikannya sebagai organisasi tanpa tunai terbesar di Malaysia.

Inisiatif ini merupakan usaha pihak universiti melalui anak syarikatnya, UiTM Holdings untuk memastikan mutu penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan yang lebih berkesan dengan bantuan teknologi terkini. Kerjasama dengan Boost ini merupakan sebahagian daripada perancangan kerjasama yang lebih besar dengan Axiata Group Berhad (Axiata). Di bawah "Pioneering Digital @ UiTM, Powered by Axiata" UiTM dan Axiata telah bersetuju dengan perjanjian induk yang merentasi di tiga aspek.

Melalui program ini, segala transaksi tunai di semua kedai-kedai dalam kampus termasuklah pembayaran perkhidmatan universiti, akan digantikan dengan pembayaran secara

digital yang juga dikenali sebagai Dompet Elektronik (e-Wallet). Melalui penggunaan aplikasi e-Wallet Boost ini, pelanggan yang terdiri daripada pelajar, pensyarah, staf pentadbiran dan orang ramai akan dapat menjalankan transaksi pembelian dengan lebih mudah dan selamat. Pengguna Android boleh memuat turun Boost dari Play Store sementara pengguna iOS boleh memuat turun dari App Store.



Amanat Tahun Baharu Naib Canselor 2018

*Inovasi dan Kemampanan
Memacu Kecemerlangan Global*

29 Januari 2018 | 10:00 Pagi | Dewan Agung



Memahat Azimat Di Hati Warga

Bertemakan Inovasi dan Kemampanan, Memacu Kecemerlangan Global, tanggal 29 Januari 2018 yang lalu, telah berlangsung Amanat Tahun Baharu Naib Canselor yang disampaikan oleh Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said Naib Canselor UiTM.

2018 merupakan tahun digital UiTM, oleh itu UiTM akan mendepani pelbagai cabaran, peluang, tumpuan khusus dimana UiTM perlu mempunyai teras yang kuat untuk mencapai kejayaan. Selain berkongsi dan menyemat hasrat, misi dan visi untuk kelangsungan kecemerlangan dan kegembiraan warga akademik serta pentadbiran, beliau turut berkongsi kegembiraan dan kebanggaan dengan pencapaian yang telah diraih oleh warga serta alumni UiTM sama ada di peringkat nasional maupun di persada antarabangsa.

Majlis yang dihadiri oleh hampir keseluruhan warga UiTM Selangor di Dewan Agung Tuanku Canselor ini turut dipancarkan secara live streaming ke kampus-kampus cawangan di seluruh negara.



MDS Membentuk Jati Diri Mahasiswa Cemerlang

Amanat Naib Canselor dan Majlis Perasmian Minggu Destini Siswa (MDS) telah berlangsung di Dewan Seri Budiman UiTM Shah Alam. Majlis telah dirasmikan oleh Naib Canselor Prof. Emeritus Dato' Dr Hassan Said.

Minggu Destini Siswa merupakan proses pengenalan kepada alam universiti dan kehidupan sebagai mahasiswa baharu UiTM. Seramai 1273 pelajar baharu telah mendaftar sebagai pelajar baharu UiTM di seluruh kampus UiTM iaitu seramai 381 mahasiswa dan 892 mahasiswi.

Dalam ucapan perasmian oleh Naib Canselor, beliau berpesan kepada mahasiswa agar jangan lakukan perkara sia-sia yang boleh mengganggu proses pembelajaran. Jadilah dan bertindaklah sebagai seorang mahasiswa. Pamerkan sikap yang intelektual dan matang, cara berfikir, berkata-kata serta tindak-tanduk sama ada semasa berada di dalam kampus maupun di luar.

Dalam majlis tersebut para pelajar telah membacakan ikrar yang merupakan akuan dan janji penerimaan sebagai pelajar berdaftar di universiti ini. Tujuannya adalah supaya mahasiswa tidak mensia-siakan peluang yang telah diberikan oleh kerajaan, harapan tinggi ibu bapa dan keluarga serta bangsa untuk berjaya di menara gading.





MAJLIS PERUTUSAN PENTADBIRAN 2018

Perkuuh Tonggak Visi dan Misi Universiti

Bertempat di Dewan Agung Tuanku Canselor (DATC), Pejabat Pendaftar sekali lagi telah menganjurkan Majlis Perutusan Pentadbiran bagi tahun 2018.

Majlis ini diadakan khusus kepada para pentadbir bagi mendengar perkongsian visi dan matlamat Pendaftar UiTM, Puan Azida Azmi. Beliau telah menyampaikan beberapa inti pati penting terutamanya dalam memantap dan memperkasakan tadbir urus dalam pengurusan sumber manusia.

Turut sama dalam majlis tersebut ialah Dr Mohd Anuar Mazuki, Bendahari UiTM yang menyampaikan perutusan berkenaan kecekapan dan keberkesanan dalam

pengurusan kos, penjanaan kewangan universiti serta beberapa penggunaan aplikasi pintar untuk kemudahan semua warga.

Majlis yang telah diadakan pada 8 Februari 2018 ini turut memberi peluang kepada beberapa lagi pegawai untuk berkongsi perutusan dalam bidang kepakaran masing-masing. Antaranya Puan Faridah Talib, Ketua Timbalan Pustakawan, Ir Haji Junaidi Muslim, Pengarah Pembangunan Infrastruktur, Dr Zaiton Nasir, Pengarah Pusat Kesihatan, Ustaz Hanafi Hamdani, Pengarah Perhubungan Islam, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) serta Puan Sariani Sarijo, Ketua Bahagian Dasar dan Strategik ICT, Pejabat Infostruktur, Puan Sa'adah Ibrahim, Ketua Timbalan Pendaftar Kanan dan Puan Alfina Bakar Ketua Timbalan Pendaftar Bahagian Canseleri dan Komunikasi Korporat.





Latihan Intensif Brass Band Siri ke-46

Shah Alam: Latihan Intensif Brass Band (LIBB) siri ke-46 yang dianjurkan oleh Persatuan Pancaragam Kesatria (Perpakes) dengan kerjasama Pusat Kokurikulum, Bahagian Hal Ehwal Pelajar baru-baru ini telah berjaya melahirkan 121 orang pelajar berkebolehan khususnya bermain alat muzik.

Program yang berlangsung pada 28 Januari hingga 7 Februari 2018 di UiTM Shah Alam ini telah dirasmikan oleh Dato' Mohd Faizal Bin Daud, Presiden Himpunan Siswazah Kelantan (Himsak).

Dengan tema Puteri Gunung Ledang, latihan tahunan ini telah dijalankan selama 10 hari dan berjaya melatih para peserta bermain 15 buah genre lagu menggunakan alat muzik pancaragam.

Melalui latihan ini, para peserta didedahkan dengan kemahiran kerja berpasukan, kemahiran komunikasi dan kepimpinan di samping kemahiran daya usaha serta inovasi. Paling mengujakan para peserta yang mengikuti program ini tiada kemahiran asas bermain alat muzik, dan dilatih selama 10 hari secara intensif oleh barisan jurulatih yang berkaliber.

Program ini membuka peluang kepada mahasiswa untuk menonjolkan potensi diri dengan lebih luas serta mampu menjadikan pelajar UiTM lebih berketerampilan unggul.

Persatuan Pancaragam Kesatria (Perpakes) merupakan persatuan yang aktif dalam menjayakan majlis-majlis rasmi peringkat UiTM maupun di luar selain mewakili UiTM menyertai pertandingan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.





Komander Kesatria

Memupuk Asas Kepimpinan Mahasiswa

Shah Alam: Latihan Intensif Bakal Komander (LIBK) siri ke-52 yang dianjurkan oleh Majlis Perwakilan Komander Kesatria dengan kerjasama Pusat Kokurikulum, Bahagian Hal Ehwal Pelajar baru-baru ini telah berjaya melahirkan 113 orang Komander Rendah Muda. Program ini dijalankan selama 12 hari yang melibatkan 113 orang peserta daripada UiTM dan pelajar daripada Majlis Amanah Rakyat (MARA).

Seramai 40 orang Komander Pengiring iaitu Komander Kesatria dan 8 orang jurulatih telah terlibat dalam menjayakan latihan tahunan ini.

Program yang dirasmikan oleh YBhg. Lt. Dato' Nurulhidayah Binti Datuk Seri Dr Ahmad Zahid ini bertujuan untuk memupuk asas kepimpinan mahasiswa dengan menerapkan pelbagai

elemen seperti disiplin diri, kerjasama berpasukan, kemahiran kepimpinan dan memupuk semangat patriotisme. Selain itu, para peserta turut didedahkan dengan ilmu survival dan rekreasi hutan selain latihan kawad kaki dan pengucapan awam.

Semua peserta yang telah berjaya melalui latihan ini ditauliahkan sebagai Komander Rendah muda semasa Majlis Tamat Latihan Intensif Bakal Komander siri ke-52 pada 10 Februari 2018. Majlis pentauliahan tersebut turut dihadiri oleh Pengarah Pusat Kokurikulum, Pengarah Bahagian Kemahiran dan Teknikal MARA, Pengerusi Persatuan Alumni Komander Kesatria, barisan pegawai, ibubapa dan alumni Komander Kesatria.





Koordinator Korporat Peneraju Imej Universiti

Koordinator Korporat merupakan pegawai yang dilantik oleh Kampus Cawangan/ Pusat Tanggungjawab (PTJ) untuk melaksanakan segala urusan berkaitan hal ehwal korporat di UiTM Cawangan dan PTJ masing-masing. Mereka juga menjadi pegawai penghubung kepada Bahagian Canseleri dan Komunikasi Korporat (BCKK).

Pada 12 dan 13 Februari 2018 bertempat di Dewan Senat UiTM Shah Alam telah diadakan Mesyuarat dan Taklimat Bersama Koordinator Korporat Seluruh Sistem UiTM. Mesyuarat dan taklimat ini diadakan untuk memberi pendedahan kepada koordinator berkenaan imej korporat universiti.

Program yang berlangsung selama dua hari ini telah dimulakan dengan mesyuarat bersama Ketua Timbalan Pendaftar BCKK, Puan Alfina Bakar. Program diteruskan dengan sesi taklimat

berkenaan imej korporat universiti, cara penulisan kenyataan akhbar, penulisan rasmi dan juga pengurusan media sosial universiti. Penceramah jemputan dari Istana Negara, En. Sophian Ab Rahman juga telah dijemput untuk memberi ceramah berkenaan pengurusan majlis dan protokol.

Naib Canselor, Prof. Emeritus Dato' Dr Hassan Said juga berkesempatan meluangkan masa berjumpa dengan semua koordinator dan menyampaikan hasrat beliau akan pentingnya untuk menjaga imej universiti. Semoga dengan adanya perjumpaan ini semua koordinator korporat akan lebih memahami peranan dan tanggungjawab mereka sebagai duta UiTM.





UiTM FC Sasar 2 Kedudukan Teratas Liga Perdana

Shah Alam, 25 Januari 2018 bertempat di Intekma Resort & Convention Center telah berlangsung Majlis Memperkenalkan Pemain UiTM FC 2018. UiTM FC mensasarkan kedudukan dua teratas dalam saingan Liga Perdana musim ini, yang akan bermula pada bulan Februari, bagi mencapai sasaran untuk layak beraksi di Liga Super 2019.

Prof. Dato' Dr Abdullah Mohamad Said, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar merangkap Presiden UiTM FC berkata, hasrat tersebut dijangka dapat direalisasikan dengan kehadiran dua pemain import baharu skuad itu, Lucas Ramon Pugh, 24, dan Kota Kawase, 26, yang masing-masing berasal daripada Argentina dan Jepun.

Pengendali pasukan UiTM FC, Wan Mustaffa Wan Ismail yang berjaya meletakkan UiTM FC berada pada kedudukan keenam dalam saingan Liga Perdana musim lepas akan menggalas tanggungjawab ini. Naib Canselor juga mensasarkan pasukan

UiTM FC untuk mara lebih jauh dalam Piala Malaysia dan Piala FA pada musim ini.

Selain memperkenalkan pemain, jersi baharu UiTM FC turut dilancarkan oleh Naib Canselor, Prof. Emeritus Dato' Dr Hassan Said. Pasukan UiTM akan tampil dengan jersi baharu tajaan daripada pengeluar barang sukan terkenal, Puma. Jersi terbabit didatangkan dalam dua warna iaitu merah untuk aksi di laman sendiri dan biru untuk di tempat lawan.

2018 MALAYSIA PREMIER LEAGUE SCHEDULE - UiTM FC -		from 1 FEB.2018 to 12 MAY 2018	100% LIGA PREMIER MALAYSIA
FEB 1	UITM FC PULAU PINANG THURSDAY 9.00 PM STADIUM UITM SHAH ALAM	MAR 10	UITM FC FELCRA FC SATURDAY 9.00 PM STADIUM UITM SHAH ALAM
FEB 7	JOHOR DARUL TAZIM II UITM FC WEDNESDAY 4.45 PM STADIUM MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG	APR 27	UITM FC PDRM FRIDAY 9.00 PM STADIUM UITM SHAH ALAM
FEB 10	UITM FC KUANTAN FA SATURDAY 9.00 PM STADIUM UITM SHAH ALAM	MAR 30	SABAH UITM FC FRIDAY 8.15 PM STADIUM LIKAS, KOTA KINABALU
FEB 23	TERENGGANU FC II UITM FC FRIDAY 9.00 PM STD. SULTAN ISMAE, NASARUDIN SHAH, K. TERENGGANU	APR 4	UITM FC SARAWAK WEDNESDAY 9.00 PM STADIUM UITM SHAH ALAM
		APR 14	MISC-MIFA UITM FC SATURDAY 9.00 PM STADIUM MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
		MAY 1	UITM FC UKM FC TUESDAY 9.00 PM STADIUM UITM SHAH ALAM
		MAY 4	FELDA UNITED FC UITM FC FRIDAY 9.00 PM STADIUM TUN ABDUL RAZAK, JENGKA
		MAY 12	UITM FC UKM FC SATURDAY 4.45 PM STADIUM MAJLIS PERBANDARAN SELANGOR



MoU antara UiTM dan Heriot-Watt University



MoU antara UiTM dan UNHCR



MoU antara UiTM dan ICAEW



MoU antara UiTM dan PSM



Karnival Pendidikan Tinggi Negara 2018

SIDANG REDAKSI

Penaung
Prof. Emeritus Dato' Dr Hassan Said

Penasihat
Alfina Bakar

Ketua Editor
Mohammad Syazwan Mohd

Editor
Aida Ahmad Saipuudin
Nurul Afnieza Md Zain

Pereka Grafik
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

Wartawan
Nor Azlina Nordin

Jurufoto
Roslan Daud
Shamsul Hidayat Omar
Shazana Shabuddin
Shahida Nordin

Edaran
Asura Rahman

-  @VCUiTM
-  *UiTM di hatiku*
YouTube
-  www.uitm.edu.my
-  **UiTM Rasmi:** www.facebook.com/uitmrasmi
Lensa Korporat: www.facebook.com/darilensakorporat

Bahagian Canseleri dan Komunikasi Korporat
Aras 2, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam, Selangor



SOARING UPWARDS
MAHATHIR HIGHER EDUCATION

UiTM di hatiku

ZON SELANGOR

31 MAC - 1 APRIL
2018
(SABTU & AHAD)

PADANG KAWAD
UiTM, SHAH ALAM

8.00 PG - 5.00 PTG



upu.mohe.gov.my